# BULETIN Geospatial SEKTOR AWAM

Edisi 1/2007
ISSN 1823 7762

GIS Sana Sini

The Establishment Of Kariah Boundary Using GIS

Lawatan Kerja Y.B. Dato' Seri Azmi bin Khalid dan Delegasi Ke Map World Forum 2007, Hyderabad, India

Development of Flood Risk Map for Sg. Selangor Basin


Terbitan :
Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI )
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
www.mygeoportal.gov.my

# KANDUNGAN




**Penerbit**
Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
Aras 7 & 8, Wisma Sumber Asli,
No. 25 Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 Putrajaya,
Malaysia.
Tel : 603 - 8886 1111
Fax : 603 - 8889 4851
www.mygeoportal.gov.my

## Dari Meja Ketua Editor

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,*

Banyak perubahan telah berlaku di sekeliling kita tanpa kita sedari terutamanya dari segi fizikal, seperti tumbuhnya bangunan pencakar langit, pertambahan taman-taman baru dan sebagainya. Pertumbuhan atau pembangunan sesebuah kawasan baru boleh mendatangkan impak yang buruk sekiranya tidak dirancang dan diuruskan dengan baik. Isu alam sekitar semakin hari semakin menjadi topik hangat diperkatakan. Kian hari masalah alam sekitar kian meruncing. Terbaru, kita telah di kejutkan dengan berita kejadian banjir di Selatan tanah air yang telah memberi kesan dan melumpuhkan sistem pentadbiran tempatan. Bencana alam kali ini yang dicatatkan sebagai yang terburuk dalam tempoh 30 tahun semestinya mencetuskan suasana panik dan kelam kabut akibat tiada persediaan awal bagi menghadapi bencana tersebut. Para penyelidik boleh mengambil iktibar daripada bencana ini bagi menghadapi bencana alam tahunan, terutama di Pantai Timur dan membuat kajian terbaik dalam menangani permasalahan banjir ini. Akibatnya kerugian harta benda dan yang paling ditakuti kehilangan nyawa orang tersayang. Langkah perlu diambil bagi mengurangkan risiko kejadian yang sama berulang. Persediaan awal menangani bencana boleh dilakukan sekiranya ramalan dan jangkaan telah dibuat, iaitu dengan membuat analisis terhadap sumber-sumber atau data-data yang ada seperti data pergerakan orang awam, angin, jumlah penduduk, kawasan tinggi, jaringan pengangkutan, jaringan sungai dan sebagainya. Data-data ini boleh digembleng untuk mendapat satu hasil yang baik sebagai satu maklumat bagi menghadapi bencana tersebut.

Menyentuh isu sumber data untuk dibuat analisis dan kajian kemungkinan, suka saya mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan bahawa kewujudan Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI), merupakan pemangkin kepada kajian kemungkinan tersebut. MaCGDI yang berperanan sebagai pusat perkongsian data Geospatial telah menyediakan satu infrastruktur yang boleh diakses secara internet bagi mendapatkan data-data yang berkaitan. Para pembuat keputusan, perancang dan pentadbir boleh mengambil manfaat hasil dari perkongsian data melalui *Malaysian Geospatial Data Infrastructure (MyGDI)* untuk membuat analisis bagi pencegahan banjir, penempatan mangsa banjir, pembinaan semula kawasan dan banyak lagi.

Akhir kata, dalam konteks penjagaan alam sekitar serta pengagihan sumber dengan cara yang bersepadu dan menyeluruh, kerjasama semua pihak sama ada kerajaan mahupun swasta serta orang perseorangan amat diperlukan dalam menangani masalah alam sekitar. Sudah menjadi kewajipan kita bagi memastikan alam sekitar yang bersih, sihat dan produktif serta mampu memenuhi keperluan dan aspirasi diri dan negara.

# Lawatan Kerja Y.B. Dato' Seri Azmi bin Khalid dan Delegasi Ke Map World Forum 2007, Hyderabad, India

Dr. Zainal bin A. Majeed
Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)

Y.B. Dato' Seri Azmi bin Khalid, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar mengetuai delegasi Malaysia mengadakan lawatan kerja ke Map World Forum 2007, Hyderabad, India dan lawatan teknikal ke National Informatics Centre, New Delhi, India dari 19 hingga 26 Januari 2007. Antara agenda lawatan tersebut termasuklah:

i. Penyampaian ucap utama Y.B. Menteri sebagai tetamu kehormat pada 22 Januari 2007, dan menghadiri, plenari, seminar dan pameran di Map World Forum 2007;

ii. Perjumpaan dan perbincangan dengan Mr Kapil Sibal, Menteri Sains dan Teknologi dan Pembangunan Lautan India (*Minister for Science & Technology and Ocean Development of India*); dan

iii. Lawatan kerja ke *National Informatics Centre (NIC) of the Department of Information Technology*, New Delhi, India pada 25 Januari 2007.

Delegasi Malaysia yang diketuai oleh Y.B. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar itu terdiri daripada Timbalan Ketua Setiausaha II Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Haji Abu Bakar, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Y.Bhg. Dato' Sr. Dr. Abdul Kadir bin Taib, Ketua Penolong Pengarah MaCGDI, Dr. Zainal bin A. Majeed dan seorang pegawai Menteri, Encik Hapdzan bin Husaini.

Kerajaan India telah mengundang Y.B. Menteri dan delegasinya untuk mengadakan lawatan dan menghadiri forum ini kerana kebanyakan sumber data yang digunakan dan disimpan di Jabatan dan Bahagian di bawah NRE mempunyai identiti dan unsur geografi, pemetaan dan lokasi. Teknologi, sistem, teknik penyediaan pangkalan data dan penyebaran data yang digunakan di Jabatan dan Bahagian berkenaan juga berkait rapat dengan penggunaan *GIS, GPS* dan *Remote Sensing*, terutamanya di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara atau MaCGDI.

## Map World Forum 2007

Map World Forum 2007 merupakan persidangan antarabangsa yang menggabungkan beberapa agensi dan organisasi bertaraf dunia yang bergiat hebat dalam teknologi *Geographic Information System (GIS), Global Positioning System (GPS)* dan *Remote Sensing*. Antara agensi dan organisasi antarabangsa berkenaan termasuklah *Open GIS Consortium (OGC), International Society of Photogrammetry and Remote Sensing (ISPRS), Federation of International Surveyors (FIG)* dan *International Cartographic Association (ICA)*. Persidangan ini merupakan platform kepada pelbagai komuniti bertaraf superlatif yang terlibat dengan penyediaan dan penggunaan maklumat geospatial mempamerkan, berinteraksi dan bertukar fikiran serta mempersembahkan aktiviti dan perlaksanaan *GIS, GPS* dan *Remote Sensing.*

Forum ini telah dihadiri oleh agensi-agensi awam serta swasta negara-negara berikut: Jerman, Netherland, India, Oman, Republik Czech, Amerika Syarikat, Denmark, Arab Saudi, Kanada, Jepun, Rusia, Thailand, Indonesia, New Zealand, Emiriyah Arab Bersatu, Austria, Afrika Selatan dan Australia. Aktiviti forum adalah kombinasi aktiviti-aktiviti seminar, bengkel, dan perbincangan panel yang menyentuh bidang-bidang teknologi, dasar dan tema yang berkaitan dengan penggunaannya di peringkat negeri, negara dan global. Di samping itu, persidangan ini juga menganjurkan aktiviti lain seperti Sesi Poster, Mesyuarat, Trek Teknologi, Program Sosial dan Pameran.

## Perjumpaan Menteri dengan Mr. Kapil Sibal

Dalam sesi perjumpaan dengan Menteri Sains & Teknologi dan Pembangunan Lautan India, Mr Kapil Sibal, beliau telah melahirkan rasa bangganya terhadap lawatan kerja dan ucap utama oleh Y.B. Menteri serta delegasi Malaysia. Dalam perjumpaan ini mereka telah membincangkan kerjasama dua hala mengenai teknologi geospatial dimana

masing-masing pihak mempunyai kepakaran yang boleh dimanfaatkan. Perbincangan juga meliputi cara-cara teknologi *GIS, GPS* dan *Remote Sensing* boleh dimanfaatkan bagi pengurusan sumber alam semula jadi dan alam sekitar. Mr Kapil Sibal telah mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah kumpulan kerja untuk memulakan dan melaksanakan kerjasama ini yang merangkumi pembangunan *ICT, GIS, GPS* dan *Remote Sensing*. Lawatan teknikal ke Malaysia yang menjurus kepada latihan dan pembelajaran penggunaan teknologi terkini ke arah membangunkan pangkalan data geospatial dan pembinaan kapasiti NSDI boleh dimulakan oleh India. Pembangunan NSDI di India masih di peringkat permulaan, walhal proses penubuhan dan pembangunan NSDI di Malaysia telah dimulakan semenjak tahun 1997 lagi. Dengan ini, pengalaman Malaysia boleh menyumbang ke arah kebaikan pembangunan NSDI di India. Perbincangan Y.B. Menteri dengan Mr. Kapil Sibal adalah positif dan berkesan bagi pembangunan dan pelaksanaan *GIS, GPS* dan *Remote Sensing* di Malaysia apabila India boleh membekal teknologi dan ilmu pengetahuan teknikal dengan kos yang berpatutan.

*Perjumpaan dan perbincangan dua hala dengan Mr. Kapil Sibal*

## Ucap Utama dan Pembukaan Rasmi Persidangan

Sempena persidangan Map World Forum 2007, Kerajaan India telah mengundang Y.B. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar secara rasminya untuk menyampaikan ucap utama di samping menghadiri persidangan dan mengadakan perjumpaan dengan Menteri Sains & Teknologi dan Pembangunan Lautan India, Mr. Kapil Sibal. Y.B. Menteri telah menyampaikan ucap utama sempena pembukaan persidangan pada pagi 22 Januari 2007. Ucapan beliau selama 20 minit telah menyentuh secara langsung mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan teknologi dan ICT yang ada hubungan langsung dengan kandungan Map World Forum 2007. Beliau juga menyentuh isu-isu semasa mengenai alam sekitar, pemanasan bumi (*global warming*), pengurusan sumber asli, perkembangan teknologi geospatial yang terkini dan kerjasama yang boleh diadakan tentang teknologi berkaitan dengan India. Dalam ucapan beliau, Y.B. Menteri memberitahu mengenai penggunaan teknologi yang termampu oleh kedua-dua negara bagi tujuan kerjasama dua hala yang lebih berkesan. Malaysia boleh memberi kerjasama dan sumbangan teknologi berkaitan yang termampu kepada India dan begitu juga India sebaliknya.

Ucapan Y.B. Menteri yang menyatakan keperihatinan Malaysia mengenai isu alam sekitar dan kerjasama dalam teknologi geospatial telah mendapat sambutan yang baik dari wartawan dan Kerajaan India. Teks ucapan beliau telah diedarkan kepada wartawan-wartawan yang membuat liputan di persidangan. Selepas itu, Y.B. Menteri juga telah diberi penghormatan untuk merasmikan bersama persidangan melalui upacara yang diadakan di hadapan seramai lebih seribu para hadirin dari seluruh dunia. Beliau juga diberi penghormatan merasmikan Pameran *GIS, GPS* dan *Remote Sensing* di ruang Dewan Pameran bersama Menteri Sains & Teknologi dan Pembangunan Lautan India, Mr. Kapil Sibal.

*Perasmian pameran oleh Mr. Kapil Sibal dan Y.B. Dato' Seri Azmi bin Khalid.*

Dalam Sidang Media yang diadakan bersama Mr. Kapil Sibal, Y.B. Menteri telah ditanya mengenai isu pembakaran hutan yang mengakibatkan jerebu di Malaysia dan langkah-langkah serta teknologi geospatial yang digunakan untuk mengatasinya. Beliau telah memberitahu mereka bahawa melalui persidangan ini, adalah diharapkan beberapa inovasi ke arah menentukan '*hotspot*' yang sebenarnya di muka bumi kawasan pembakaran boleh dicapai. Ucap utama dan kehadiran Y.B. Menteri telah mendapat liputan sebuah akbar tempatan India '*The Hindus*'.

## Aktiviti Forum

Dari 22 hingga 25 Januari 2007, delegasi Malaysia telah menghadiri beberapa sesi plenari, seminar dan sesi poster. Sesi-sesi ini telah memberi banyak faedah dari segi pendedahan kepada pembangunan dan perancangan terkini teknologi geospatial oleh pakar-pakar dari negara membangun dan negara maju. India sendiri mempunyai pakar IT dan GIS yang cemerlang di sektor awam dan juga sektor swasta. Beberapa pembentang plenari dari USA, Austria, Netherland, United Kingdom dan Denmark telah mempersembahkan pengalaman dan kajian kes yang baik untuk diikuti oleh para peserta forum. Sesi plenari telah mempamerkan pengalaman dan kesungguhan profesional dan pakar yang telah bergiat lama dalam penyelidikan dan pembangunan dalam bidang *GPS, GIS* dan *Remote Sensing* dan organisasi yang berjaya mempeloporinya. Antara pakar-pakar itu ialah Prof. Stig Enemark (Denmark), Peter Holland (Australia), Prof. Bas Kok (Netherland), Prof. Josef Strobl (Austria) dan President ESRI (USA), Jack Dangermond.


Kebanyakan kandungan sesi persidangan mempunyai kaitan rapat dengan bidang utama yang dijalankan oleh JUPEM dan MaCGDI, dan juga Jabatan di bawah NRE yang mempunyai Unit atau Seksyen GIS, seperti di Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Pegawai berkenaan yang hadir diyakini boleh meningkatkan keupayaan mereka dengan mengambil ikhtibar dan pengalaman idea dan kajian kes yang dibentangkan. Di samping itu, perhubungan yang baru dapat diwujudkan dengan pakar-pakar terkemuka dunia untuk rujukan serta khidmat nasihat bagi usaha seterusnya.

Sebanyak 23 tema telah dipersembahkan oleh pembentang-pembentang kertas kerja dalam seminar dan sesi teknikal. Antara tema yang menjadi sesuai dan berkaitan bagi delegasi Y.B. Menteri ialah *disaster management, spatial database infrastructure, standards and interoperability, forestry and remote sensing, surveying and mapping, natural resources and ecology monitoring dan Web GIS*. Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia (TKPUP), Y.Bhg. Dato' Sr. Dr. Abdul Kadir bin Taib telah dijemput untuk membentangkan satu kertas kerja pada sesi seminar yang bertajuk Surveying and Mapping. Oleh sebab sesi persembahan diadakan secara selari di Bilik Dewan yang berasingan, para delegasi Malaysia telah dibahagikan mengikut kesesuaian dan topik yang berkaitan untuk menghadiri sesi agar semua persembahan kertas berkenaan dapat dimanfaatkan. Banyak pengalaman dan ilmu serta inovasi yang dipamerkan boleh digunakan sebagai ukuran dan penyelidikan untuk faedah dan kebaikan pengurusan, perancangan dan pembangunan Kementerian secara keseluruhannya.

## Lawatan Teknikal ke NIC

Satu lawatan ke *National Informatics Centre (NIC), Department of Information Technology, Ministry of Communication and Information Technology* India telah diadakan pada 25 Januari 2007. Kedatangan delegasi Malaysia telah disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah NIC, Dr. Mahesh Chandra di pejabat beliau. Dr. Mahesh telah menerangkan profil dan organisasi NIC secara ringkas. Isu pembangunan pangkalan data GIS untuk menyimpan segala maklumat di agensi Kerajaan dibincangkan.

Kemudiannya delegasi Malaysia telah dibawa melihat secara dekat aplikasi dan pembangunan GIS serta pangkalan data geospatial yang dibangunkan di beberapa seksyen di NIC. Lawatan ini telah memberikan pengalaman dan pendedahan yang berkesan kepada cara-cara data spatial dan bukan-spatial (*textual*) disimpan dan diuruskan dalam pangkalan data geografi atau geodatabase menggunakan teknologi dan perisian GIS terkini dari AS. Sistem rangkaian yang diwujudkan merangkumi semua agensi Kerajaan bagi menguruskan pemantauan aplikasi dan sistem yang dibangunkan di setiap agensi di

lokasi yang berbeza. Bagi Malaysia, pihak MaCGDI sedang menguruskan penubuhan pangkalan data yang sama fungsinya yang dinamakan National Geospatial Data Centre (NGDC), tetapi masih dalam peringkat awal lagi untuk direalisasi sepenuhnya. Antara isu yang belum diselesaikan ialah dasar perkongsian data kebangsaan yang perlu digubal.

*Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Haji Abu Bakar (TKSU II) bersama dengan Timbalan Ketua Pengarah NIC di pejabat NIC.*

Pihak NIC telah menggubal sebuah dokumen Kerajaan 'Dasar Pemetaan Kebangsaan' sejak enam (6) bulan yang lalu. Dasar ini merangkumi perkara-perkara mengenai perundangan perkongsian data dan integrasi data di kalangan agensi-agensi Kerajaan India. Malaysia masih belum mempunyai 'Dasar Pemetaan atau Geoinformasi Negara'. Di NIC, jaringan tidak menjadi masalah dalam penyebaran data geospatial ke agensi-agensi Kerajaan kerana talian Internet untuk mencapai data-data geospatial secara dalam talian amat baik sekali, tidak seperti yang dihadapi oleh MaCGDI melalui pembekal sedia ada. Di Malaysia, penggubalan dasar atau kertas Kabinet yang menyeluruh diperlukan untuk memastikan satu dasar perkongsian data yang tulen dan berwibawa dapat digunakan dengan berkesan.

## Faedah dan syor-syor

Geospatial Data Centre (GDC) di peringkat nasional amat diperlukan untuk memastikan data disimpan dan diuruskan untuk kegunaan agensi Kerajaan. Oleh sebab usaha ke arah ini menghadapi masalah ketika ini, adalah dicadangkan satu prototaip aplikasi dan pangkalan data ini dibangunkan bagi menyimpan dan menguruskan data-data agensi di bawah NRE. MaCGDI telah mempunyai cadangan ke arah usaha ini tetapi menghadapi beberapa masalah termasuk keperluan suatu dasar kebangsaan yang menyeluruh mengenai geoinformasi (*geoinformation*) dan hal-ehwal pemetaan (*mapping matter*), isu perkongsian data, siapakah pihak penjaga tunggal (*sole custodian*) bagi GDC ini, tahap penggunaan agensi-agensi di peringkat persekutuan, negeri dan PBT, dan kesediaan agensi pembekal data untuk menyertai GDC ini. Sebagai permulaan, penggubalan 'Dasar Pemetaan/Geoinformasi Kebangsaan' adalah kritikal supaya pematuhan yang menyeluruh dapat memastikan kejayaan GDC ini. MaCGDI adalah agensi yang boleh dipertanggungjawabkan untuk memainkan peranan awal dalam hal ini. Oleh itu, isu perkongsian data akan dibawa kepada perhatian Kabinet secara berasingan ke arah dasar yang lebih jelas supaya undang-undang/peraturan yang mantap mengenai GIS dapat disediakan untuk negara.

Keperluan memastikan data mempunyai kualiti yang baik juga merupakan isu kritikal supaya data dan pangkalan data mempunyai integriti untuk dikongsi dan digunakan oleh banyak agensi. Dengan kewibawaan data ini, ia amat sesuai untuk kegunaan seperti pengurusan bencana, pengurusan alam sekitar dan amaran kecemasan. Satu garis panduan di peringkat kebangsaan diperlukan bagi memastikan data yang digunakan untuk jentera pentadbiran Kerajaan mencapai tahap ketepatan yang tinggi serta terkini, dapat diwujudkan.

Aplikasi GIS telah terbukti amat diperlukan oleh kebanyakan agensi Kerajaan terutama di bawah NRE bagi isu-isu yang berkaitan dengan perhutanan, pengurusan banjir, alam sekitar, perlombongan, perhilitan dan sumber asli lain. Dari pengalaman Map World Forum, GIS dan Remote Sensing merupakan penyelesaian yang terbaik bagi perancangan dan pembangunan sesebuah negara dalam era ICT dan globalisasi. Sudah tiba masanya semua agensi menggunakan GIS untuk pemantauan, pengurusan, penguatkuasaan, penyelidikan, perancangan dan pengambilan keputusan. Sebagai permulaan, arahan yang mantap dari NRE boleh dibuat agar Jabatan Alam Sekitar sendiri menunjukkan aplikasi GIS yang boleh dimanfaatkan.

Integrasi data dan standardisasi adalah isu penting yang perlu digemblengkan oleh agensi seperti Jabatan Standard, JUPEM dan MaCGDI dan juga semua agensi di bawah NRE. Teknologi GPS, GIS dan Remote Sensing serta kebolehan ICT boleh digunakan untuk menggabungkan semua data geospatial yang ada di agensi Kerajaan. NGDC boleh digunakan sebagai landasan awal untuk menggabungkan data geospatial melalui Internet. MaCGDI merupakan ahli Pertubuhan Standard Antarabangsa (*International Standard Organisation*) yang bersidang setiap tahun. Pembangunan standard bagi geospatial data merupakan aktiviti yang berterusan. MaCGDI dan JUPEM adalah Jabatan yang memainkan peranan penting dalam menguruskan standardisasi data geospatial.

Pembangunan keupayaan modal insan bagi National Spatial Data Infrastructure (NSDI), seperti Malaysian Geospatial Data Infrastructure atau MyGDI yang dibangunkan oleh MaCGDI adalah penting. Ini termasuk pembangunan sumber manusia, kekuatan institusi, teknologi, kepakaran dan keupayaan kewangan yang merupakan sebahagian dari proses pembangunan keupayaan modal insan yang dimaksudkan. Latihan praktikal secara praktikal dan acara kesedaran terhadap GIS boleh mewujudkan komuniti GIS yang pakar. Majlis-majlis seperti Hari GIS atau Minggu GIS boleh diadakan di Kementerian apabila semua agensi boleh menunjukkan sistem GIS masing-masing. Pameran dan persembahan teknikal mengenai GIS untuk murid-murid sekolah juga boleh diadakan bagi memberi pendedahan awal kepada golongan rendah dan belasan tahun.

Melalui persidangan ini, antara faedah-faedah yang telah dicapai adalah seperti yang berikut:

i. Mendapat pendedahan yang meluas berkaitan dengan teknologi geospatial terkini dan perkembangan aplikasi GIS serta GPS dan Remote Sensing;

ii. Dapat menimba ilmu dan mendapat ikhtibar melalui pengalaman-pengalaman serta maklumat pembentangan kajian kes yang boleh dijadikan sumber rujukan;

iii. Dapat meningkatkan jaringan di peringkat antarabangsa antara negara-negara maju dan membangun sambil dapat bertemu dan berinteraksi secara langsung dengan pengguna-pengguna aplikasi GIS dan pakar dari serata dunia;

iv. Perkongsian pengalaman menggunakan aplikasi teknologi geospatial di beberapa peringkat pengurusan bencana, penjagaan alam sekitar dan pengurusan sumber asli serta berpeluang didedahkan kepada kaedah praktikal terbaik untuk mengawal bencana, penjagaan alam sekitar yang lestari dan pengurusan sumber asli yang moden dan canggih; dan

v. Mencetuskan idea/cadangan penambahbaikan praktikal untuk meningkatkan infrastruktur pangkalan data spatial dalam organisasi dan negara sendiri.

## Penutup

Adalah diharapkan pembangunan sistem GIS di Malaysia akan berhasil membawa perubahan yang berjaya mempertingkat pengurusan perkhidmatan awam secara berkesan. Sistem GIS mampu memacu Malaysia dalam era ICT dan globalisasi untuk mencapai taraf negara-negara maju seawal mungkin. Malaysia, sebagai bakal menjadi negara maju seharusnya memanfaatkan teknologi terkini seperti GIS, GPS dan Remote Sensing. Faedah yang dicapai boleh menjana ilmu dan teknologi terkini kepada pengurusan agensi Kerajaan yang akhirnya boleh membantu dalam merangka dasar Negara dan program yang baik dan cemerlang.
Adalah satu keperluan mendesak untuk Malaysia mengwujudkan mekanisma yang lebih bersepadu serta bersinergi bagi memantapkan pembangunan dan pengurusan data dan informasi negara. Teknologi GIS, GPS dan Remote Sensing digabungkan dengan ICT diyakini memberi pulangan yang baik.

Persidangan antarabangsa Map Asia 2007 yang akan diadakan pada bulan Ogos 2007 di Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Kuala Lumpur merupakan susulan dan kesinambungan dari hasil lawatan kerja ke Hyderabad. NRE akan menjadi penaung dan penganjur persidangan antarabangsa ini.

**Info**

Maklumat lanjut berkaitan Map Asia 2002-2007 boleh di akses melalui *www.mapasia.org*

# Development Of Flood Risk Map For Sg. Selangor Basin

Abd. Jalil bin Hassan
Senior Researcher,
National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM)

*Abstract*

*Flood is a natural disaster in this country. Flood behaviour must well be understood before a proper measure can be taken for its mitigation. At present, one of the ways to study and understand flood behaviours is by generating flood risk maps. Hydraulic modelling using a computer model is required in order to carry out flood simulation to produce flood levels at various locations along the river and flood plain. However, to analyse a river system requires voluminous amount of data such as rainfall distributions, river properties and most importantly the flood plain topography. GIS software is able to handle the processing problems as an input to the hydraulic model. The output of the hydraulic simulation can be transferred to GIS software to generate flood layers for various scenarios. Further analysis such as flood damage assessment can be carried out for planning and design purposes. This in turn would be suitable for a decision support system.*

*This paper presents the various processes carried out using GIS tool to develop hydrological and, hydrodynamic models, 3D ground model and the generation of flood risk map.*

## Introduction

Malaysia experiences two types of flood namely the monsoon and flash floods. The monsoon flood occurs mainly during Northeast Monsoon which prevails from the months of November to March with heavy rains to the east coast states of the Peninsula, northern part of Sabah and southern part of Sarawak. Some of the recorded flood experiences in the country occurred in 1926, 1931, 1947, 1954, 1957, 1963, 1965, 1967, 1969, 1971, 1973, 1983, 1988, 1993, 1998 and 2001. The report from the Department of Irrigation and Drainage (DID) stated that about 29,000 sq. km or 9% of the total land area and more than 4.82 million people (22%) are affected by flooding annually. Damage caused by floods is estimated to be about RM915 million. The flood prone areas are shown in Figure 1. Monsoon flood is governed by heavy and long duration of rainfall that covers a large area. The flood from 2-6 October, 2003 affected a large area in the north-western part of the Peninsula covering the states of Kedah, Pulau Pinang and Northern Perak. The recent December flood badly damaged the southern part of Peninsula Malaysia involving the states of Melaka and Johor. Flash flood normally occurs quite rapidly such as the case of the two events occurring in April and October 2002 in Kuala Lumpur which has been recognized due to uncontrolled development and activities within the catchments and flood plains. At present the development of a flood risk map is a difficult process since the information from hydraulic analyses is needed to be exported and combined with the flood plain i.e. ground data. Therefore the use of GIS in processing raw data and combined with the hydraulic analyses to delineate flood extent shall be demonstrated in this paper.

## Objective of the study

- The main purpose of the study is to develop a complete river model consisting of hydrological, hydraulic, 3D ground model including various GIS layers covering the main river system and flood plain.
- The model will generate a flood risk map based on various return periods and provide quick results on flood impact due to probable human activities within a catchments area.




*Figure 1 : Flood Prone Areas in Malaysia*

## Study Area

Sg. Selangor is located at the northern part of the state of Selangor (Figure 2). The catchment is approximately 1960km2 which covers about a quarter of the area of the state of Selangor. The main river, Sg. Selangor starts from the west of the Titiwangsa Range at an elevation of approximately 1700m between the borders of the states of Selangor and Pahang. It flows approximately 110km towards the southwest to the Straits Of Melaka. The major tributaries are Sg. Kerling, Sg. Kubu, Sg. Rening, Sg. Batang Kali, Sg. Buloh, and Sg. Sembah as shown in Figure 3. To the east of the basin is a mountainous area which is mainly covered with forest and plantations while the west side is generally swampy and flat with paddy as the main agriculture activity. The most recent land-use map for the catchments is shown in Figure 4. Sg. Selangor was selected for this study because of the availability of the river survey data together with the ground elevation of the flood plain within 500m to 2km on each side of the river. Concurrently, due to its location, it is a potential area to be developed since the adjacent Klang Valley development is almost reaching a saturation level in the near future.




*Figure 2 : Study Area*




*Figure 3 : River System*




*Figure 4 : Landuse map (Source-DOA)*

## Flood risk map development

The process to delineate the flood extent consists of 3 main components, namely, hydrologic rainfall-runoff model, hydrodynamic model and 3D ground model. The process and data input for all the processes are shown in Figure 5. The main softwares used in the study are InfoWorks RS (River Simulation) for Hydrologic and Hydaulic modelling while Arc View + 3D Analyst and Surfer 8.0 are for the development of various layers and 3D ground model. InfoWorks RS combines water level from the hydraulic computation with the 3D (Shapefile) to produce the extent of flooding. The river model covers 110 km by cross sections at 1km apart and which begins at the new 'SPLASH' dam down to the river mouth covering the flood plain.

## GIS application

Due to the large amount of data being required for the input to the hydrologic and hydraulic models, most of the processes were carried out by using GIS software namely, Arcview 3.1 and 3D Analyst. The processes are :

- delineate the subcatchment boundary
- transform point rainfall to areal rainfall
- distribute the areal rainfall to subcatchment rainfall
- estimating land-use and soil type for subcatchment
- generate 3D ground model from contour and spot height
- generate flood extent
- estimate flood damage




*Figure 5 : Process involved in the development of Flood Risk Map*

***Data collection***

The main factor to ensure that the study is successful is the availability of information and data. Tremendous effort was employed to process all important data. The table below listed the most critical information required for the analysis.

| Type | Source | Scale |
|---|---|---|
| **Hydrological data** | | |
| Rainfall data | DID | 1:50,000 |
| Land use data | DOA | 1:50000 |
| Soil type data | DOA | 1:500000 |
| | | |
| **Hydraulic data** | | |
| River cross section | DID | 1:2000 |
| | | |
| **Ground data** | | |
| 3-D flood plain terrain data | DID | 1:5000 |
| Contour | JUPEM | 1:25,000 |
| | | |

*Table 1 : List of most critical information in the catchments*

Note

DID - Department of Irrigation and Drainage

DOA - Department of Agriculture

JUPEM - Department of Survey and Mapping Malaysia

***Rainfall runoff modelling***

The main inputs to the rainfall runoff model are the subcatchment area, river gradient, land-use, soil type and rainfall distribution. Most of this data can be extracted from JUPEM topographical map, DID hydrological station and the Department of Agriculture (DOA). Various GIS analyses were carried out to determine the information that is illustrated below.

***Division of subcatchment***

Various methods to delineate the subcatchment are available but for this exercise the subcatchment boundary was digitized manually from the contour and river layers using ArcView. This manual process was selected because the contour interval of 20m does not provide a good representation for the downstream part of the basin which is very flat. The division of subcatchment is shown in Figure 5.

***River slope***

The river slope was estimated by using a simple approach which is the difference of height divided by the length of the river. Both of this information is available form the contour and river layers.

***Soil distribution***

The rainfall runoff model (SCS Method) requires the soil group to be defined by the Curve No (CN) for each subcatchment. Value for CN base on land-use is available from many references. This information was then combined to the Land-use layer using Join Table technique. Overlaying process using 'Union' was carried out to distribute the soil group to various subcatchment to calculate the average CN for each subcatchment.

***Rainfall area distribution***

A rainfall runoff model requires an areal rainfall data. However DID only provides point rainfall from hydrological stations within the basin. Thiessen polygon technique was used to convert the point rainfall to areal rainfall. It is then redistributed to the various subcatchment using the overlay process. Thiessen's Polygon map is shown in Figures 7 and 8.



*Figure 5 : Division of subcatchment*



*Figure 6 : Soil hydrological classification*



*Figure 7 : Tranforming point rainfall to areal rainfall (Thiessen's Polygon)*



*Figure 8 : Overlaying areal rainfall with subcatchment*

### *River cross section*

The main inputs for the hydraulic model are the river cross section and flood plain. The cross section survey was done at 1km interval which extends up to 1km on each side of the river bank. Therefore about 100 cross sections were required for the data input involving the coordinate longitude latitude and the ground value. Experience shows that by using the manual input, the process would need about 2 months to complete. The cross section data which is available in 3D point in AutoCad were converted to 3D ground model using ArcView 3D Analyst and development of the river hydrodynamic model was completed within one week. The model is shown in Figure 9 and Figure 10.



*Figure 9 : Sample river cross section in the hydraulic model*



*Figure 10 : Part of river hydraulic model in t he river network*

### *Ground model development*

InfoWorks RS combines the hydraulic model and the ground model during the hydraulic simulation process to delineate the flood extent. The quality and accuracy of the flood extent depend on the quality of the ground

model. The ground model was developed from the contour map, the survey data and spot height in the flood plain. The contour interval from JUPEM is at 20m interval while the survey contour was at 5m interval. Spot height is available in the flood plain at a spacing of 200m. The bed level along the centre line of the river was extracted from the cross-section survey. Elevation of infrastructures such as road and bund in the flood plain are partly available and treated as a hard break line in ArcView 3D Analyst during the triangulation process. The information above, especially the contour can be considered good for the upstream steep stretch but does not produce a good 3D ground model at the lower part of the river system where the flood plain is flatter and consist many infrastructures such as roads and bunds. The ground model was further improved by using the Kriging method in Surfer 8.0 which produces grids at 10 – 30 m spacing. The final ground model for the whole river system is about 700 Mbyte and which consumes a high percentage of memory and thus slowing the simulation time. For the purpose of the study, only the middle part of the river system that contained about 200 Mbyte was used. The 3D TIN was then exported to 3D shp file using TIN exporter to InfoWorks RS. The ground model in InfoWorks RS is shown in Figure 11 and Figure 12.



*Figure 11 : 3D ground model generated using 3D Analyst and Surfer*



*Figure 12 : Combination of hydraulic model and 3D ground model*

## Simulation and generation of flood map

Simulations using storm of 1:100 ARI was carried out to reduce to flood extent which then was exported to ArcView. Flood depth at various locations are shown in Figure 13. Using the overlay process between the flood map and land-use, flood damage assessment is easily done as shown in Figure 14. The flood extent changes at various time can also be produced to help in understanding the pattern of flood movement in the flood plain (Figure 15).




*Figure 13 : Flood depth along the river*




*Figure 14 : Flood inundation area based on land-use.*

*"Flood is a natural disaster in this country. Flood behaviour must well be understood before a proper measure can be taken for its mitigation. At present, one of the ways to study and understand flood behaviours is by generating flood risk maps. Hydraulic modelling using a computer model is required in order to carry out flood simulation to produce flood levels at various locations along the river and flood plain"*



Start – 0 hour



After –10 hours



After 20 hours



After 30 hours



After 40 hours



After 60 hours

*Figure 15 : Flood movement along the flood plain varies with time*

## Conclusion

The study has demonstrated that the flood map delineation for a big river system can be achieved in a short time with the support of GIS tools. The processes of overlaying layer help to reduce the effort of processing data for hydrological, hydraulic and ground model. The quality of the flood extent depends to a large extent on the quality of the ground model that requires a proper triangulation process. In the future, easy production of flood risk map will enhance the planning of flood management in the country.

## References

Abd. Jalil bin Hassan (2002) - Penggunaan Teknologi Terkini Ke Arah Pengurusan Banjir Yang Bersepadu - Persidangan Pengurus Kanan JPS 2002- Kijal Terengganu

